

# MEDIA RELEASE

24 Februari 2018

## UNTUK SIARAN SEGERA

### “KELUARGA BINGKAS SIBER BERMULA DENGAN ANDA” PERKASA IBU BAPA SIBER DI ERA DIGITAL

**KUALA LUMPUR (24 FEBRUARI 2018)** – Pendidikan merupakan asas kepada pembentukan generasi berilmu. Ibu bapa perlu memainkan peranan lebih serius dalam mendidik anak-anak bagi mempersiapkan mereka menjadi warga digital yang berilmu, beretika dan bertanggungjawab serta dalam masa yang sama terhindar dari ancaman pelbagai jenayah siber yang boleh menggugat perkembangan institusi keluarga.

Sempena sambutan Hari Keselamatan Internet atau *Safer Internet Day* (SID) 2018 Edisi Malaysia, Majlis Keselamatan Negara melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), CyberSecurity Malaysia dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) hari ini menganjurkan Seminar Keibubapaan Siber bertajuk “Keluarga Bingkas Siber Bermula Dengan Anda” (*Cyber Resilient Families Begin With You*).

Seminar diadakan bagi memperkasa ibu bapa atau penjaga mengenai ilmu keselamatan siber, memberi pendedahan mengenai isu-isu keselamatan siber yang mengancam institusi keluarga seperti buli siber, ketagihan Internet, jenayah siber dan juga ancaman media sosial. Seminar ini juga bertujuan memupuk serta menyemai kesedaran ibu bapa atau penjaga mengenai kepentingan penggunaan teknologi termasuk gajet digital serta Internet secara positif dan beretika.

“Peranan ibu bapa amat penting dalam memupuk perkembangan sosial dan tingkah laku ahli keluarga ke arah membina masyarakat dan negara yang berilmu, sihat, berakhhlak dan progresif. Malangnya pengaruh Internet telah banyak merenggangkan hubungan keluarga apabila semua, termasuk ibu bapa, terikat dengan telefon pintar dan asyik bermesej serta berinteraksi dalam alam siber tanpa mengendahkan dunia fizikal sekelilingnya. Dinamik keluarga diburukkan lagi dalam zaman moden di mana semua orang sibuk mengejar masa



**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)



T +603 8992 6888  
F +603 8992 6841  
H 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 5, Sapura@Mines  
No 7, Jalan Tasik  
The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)



Securing Our Cyberspace

dengan pelbagai urusan. Tanpa dinamik keluarga yang kukuh dan mesra untuk menunjuk ajar dan memupuk nilai-nilai murni, anak-anak mudah terpengaruh dengan perilaku di alam siber yang menggugat perkembangan peribadi, keselamatan dan kesihatan mereka. Justeru, penglibatan ibu bapa amat penting untuk mendidik anak-anak menggunakan teknologi seperti komputer, telefon pintar, tablet serta Internet dan aplikasinya dari awal umur dengan bertanggungjawab” kata Profesor Emerita Tan Sri Dato’ Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, Presiden NCWO & Penasihat Kanan Program PERMATA.

“NCWO amat menyokong inisiatif yang dilaksanakan ini kerana ianya sejajar dengan hala tuju NCWO dalam usaha memperkasa golongan wanita di era digital. Inilah cabaran yang harus ditempoh oleh wanita digital sebagai ibu dan pembimbing utama dalam memastikan kesinambungan dinamik antara generasi bagi membina institusi keluarga yang berdaya tahan.” ujar beliau.

Pelbagai topik menarik antaranya Landskap Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian: Undang-Undang dan Perundangan di Malaysia, Keselamatan Alam Siber Dalam Pendidikan: Membina Daya Tahan Digital Bagi Keselamatan Internet dan Penjenayah Di Dalam Telefon dibincang serta dapatan kajian yang dilakukan oleh pakar-pakar dibentangkan menerusi dua sesi forum bertajuk Eksplotasi Siber: Pencegahan di Sekolah (*Cybervictimization: Prevention in Schools*) dan Keibubapaan Siber dan Ancaman Kesihatan Siber (*Cyber Parenting and Cyber Medical Threats*).

Menurut Ir. Md Shah Nuri, Ketua Eksekutif, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), “Perkembangan ICT yang pesat dan dinamik ini memerlukan pendidikan khusus berkaitan kaedah penggunaan ICT seiring dengan perkembangan teknologi itu sendiri. Kita sedar bahawa terdapat pelbagai ancaman siber yang muncul dari penggunaan ICT yang meluas, namun kita tidak boleh menolak teknologi atau membiarkan ancaman tersebut berlaku ke atas diri kita, ahli keluarga dan juga negara. Maka, semua pihak perlu diberi kesedaran bagi meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan teknologi ini supaya ancaman yang dihadapi dapat ditangani dengan lebih berkesan.”

Seminar Keibubapaan Siber mensasarkan ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak-anak pra-sekolah, ibu bapa/penjaga dengan anak-anak di sekolah rendah dan ibu bapa/penjaga yang memiliki anak-anak remaja.

Sementara itu, Dato' Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia berkata "Seminar ini harus dimanafatkan sepenuhnya oleh semua yang terlibat untuk mendapatkan *first hand information* mengenai kaedah membimbing dan mengasuh anak-anak di alam siber. Pihak kami akan terus berusaha melestari agenda keibubapaan siber serta mencari inisiatif baharu dari masa ke semasa bagi memastikan penyebaran kepentingan memperkasakan ibu bapa di alam siber dapat diteruskan secara konsisten."

Dalam konteks keibubapaan siber, ibu bapa harus bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukan melalui Internet atau sewaktu berada di alam siber. Ibu bapa juga perlu memastikan dan melengkapkan diri mereka ilmu keselamatan siber sebelum berkongsi dengan anak-anak. Mereka perlu peka terhadap risiko dan ancaman siber yang melibatkan kanak-kanak dan harus sentiasa berusaha menegakkan integriti dan kredibiliti mereka dalam mengajar anak-anak supaya selamat dalam talian untuk mengelakkan pencerobohan privasi, pembunuhan siber, penjagaan seksual kanak-kanak, penyalahgunaan seks dalam talian kanak-kanak dan isu media sosial dan jenayah siber.

Majlis Perasmian Penutupan Sambutan Safer Internet Day (SID) 2018 Edisi Malaysia telah disempurnakan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Isteri kepada YAB Perdana Menteri Malaysia merangkap Penaung Kehormat Program PERMATA.

SID 2018 dan penganjuran Seminar Keibubapaan Siber mendapat sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), PUSPANITA, Bahagian PERMATA, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Cyber Intelligence Sdn Bhd, Limkokwing University of Creative Technology, Royale Chulan Kuala Lumpur, Radio Televisyen Malaysia (RTM), IKIM FM dan juga TV Alhijrah.

~ Tamat ~

---

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau +603-89926888.

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) dan Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945).

## Maklumat Tambahan

Sambutan Hari Keselamatan Internet 2018 atau *Safer Internet Day* (SID) 2018 - Edisi Malaysia. SID merupakan inisiatif InSAFE European Union (EU) Belgium dan disambut secara global oleh lebih 100 buah negara.

Sambutan SID diadakan pada bulan Februari setiap tahun bagi mempromosi keselamatan Internet, memupuk serta meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan keselamatan Internet agar mereka menjadi lebih bertanggungjawab tatkala menggunakan teknologi serta aplikasi Internet melalui gajet-gajet digital.

Di Malaysia, SID mula disambut pada tahun 2010. Setiap kali sambutan SID, pelbagai program, aktiviti serta kempen keselamatan Internet bersesuaian dengan tema dan diadakan dengan kerjasama rakan pintar yang turut melestari agenda keselamatan Internet di Malaysia.

Pada tahun 2018, SID peringkat global disambut pada 6 Februari (Selasa) dengan tema "*Create, connect and share respect: A better internet starts with you.*" Berdasarkan tema ini, sambutan SID 2018 Edisi Malaysia ialah "Keibubapaan Siber - Keluarga Bingkas Siber Bermula Dengan Anda" (*Cyber Parenting - Cyber Resilient Families Begin With You*).

Antara program dan inisiatif disusun sempena SID 2018 adalah:-

1. **Kempen #DealWithIT** : kempen ini memperkenalkan Lima (5) Ikrar Keibubapaan Siber untuk ibu bapa atau penjaga membuat pilih ikrar bagi menjadi ibubapa siber yang bertanggungjawab. Kaedah pelaksanaan ikrar boleh diperolehi melalui laman sesawang <http://www.cybersafe.my/saferinternetday/>
2. **Kajian Impak Ancaman Kesihatan Siber Di Kalangan Remaja** : dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan juga pakar Jabatan Kriminologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi mengkaji beban dan kesan ketagihan Internet ke atas kesihatan fizikal remaja dan kanak-kanak.
3. **Buku Panduan Keibubapaan Siber** : buku ini diterbitkan khusus bagi memberi maklumat dan informasi kepada ibubapa mengenai tatacara untuk menjadi ibu bapa atau penjaga yang bijak mengasuh dan mendidik anak-anak di alam siber. Buku ini diterbitkan dengan kerjasama DiGi Telecommunications.

4. **Video Keibubapaan Siber** : memaparkan isu-isu semasa berkaitan ancaman keselamatan siber yang melibatkan kanak-kanak dan remaja serta peranan ibubapa dalam mendidik anak-anak di alam siber. Video ini diterbitkan dengan kerjasama Limkokwing University of Creative Technology.
5. **Seminar “Keluarga Bingkas Siber Bermula Dengan Anda”** : seminar ini akan diadakan 24 Februari 2018 (Sabtu) dari jam 9.00 pagi hingga 2.30 petang bertempat di Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur. Ia diadakan dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO).

Untuk maklumat lanjut mengenai sambutan SID 2018, orang ramai boleh layari laman sesawang <http://www.cybersafe.my/saferinternetday/>